

TARIKH: 28/8/23.

SURAT KHABAR: Sinar Harian Nasional.

MUKA SURAT: 12

## Naik gaji minimum bukan idea terbaik – Mas Ermieyati



Suasana ketika perbahasan Debatlon Parlimen Belia 2023 di Dewan Persidangan Parlimen, Kuala Lumpur pada Sabtu.

**KUALA LUMPUR** - Kenaikan gaji minimum bukan jalan alternatif terbaik menangani isu peningkatan kos sara hidup, sebaliknya akan memberi kesan kepada ekonomi negara.

Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, inisiatif itu berpotensi meningkatkan kadar pengangguran kerana kemampuan majikan menggajikan pekerja, sekali gus membantutkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

"Kenaikan gaji mungkin memberi keleagaan kepada pekerja berpendapatan rendah tetapi pada masa sama boleh menyebabkan seseorang kehilangan pekerjaan."

"Ini kerana, majikan mungkin bertindak mengurangkan pengambilan pekerja, memotong tempoh jam bekerja atau meningkatkan automasi untuk mengimbangi kos buruh yang lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika program Debatlon Parlimen Belia 2023 di Dewan Persidangan Parlimen di sini pada

Sabtu.

Terdahulu, sesi perbahasan keempat bertajuk 'Peningkatan Kos Sara Hidup di Malaysia' dipengerusikan Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan.

Tambah Mas Ermieyati, program sosial atau dasar cukai disasarkan antara pendekatan lebih komprehensif dan berkesan dalam membantu individu berpendapatan rendah tanpa mengganggu pasaran pekerjaan atau menyebabkan inflasi.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh pula berpandangan, individu bergaji minimum boleh hidup dengan baik jika bijak menguruskan kewangan dan berbelanja secara berhemah.

"Kerajaan juga melaksanakan pelbagai usaha bagi meringankan beban rakyat seperti subsidi dan Menu Rahmah."

"Jadi, kita harus tahu bagaimana untuk mengawal kewangan supaya tidak berlaku pembaziran," ujar beliau.

Isnin 28/08/2023 ms - 12

Sinar Harian  
Nasional